

(35 Markah)

1. Morfologi

Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan **empat kata adjektif perasaan**. Kemudian anda dikehendaki **membina satu ayat anda sendiri** daripada setiap kata adjektif tersebut untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

Penglibatan atlet Malaysia dalam Sukan Olimpik 2024 menimbulkan perasaan kagum dalam kalangan rakyat. Semasa majlis pembukaan Sukan Olimpik 2024, kontinjen Malaysia berasa bangga kerana dapat menggayakan busana tradisional yang menunjukkan nilai kesopanan dan kesantunan rakyat Malaysia. Hal ini secara tidak langsung dapat memupuk perasaan cinta akan negara dalam kalangan masyarakat. Kita juga seharusnya berasa gembira kerana para atlet telah menunjukkan semangat juang yang tinggi dalam setiap acara yang telah dipertandingkan.

Dipetik dan diubah suai daripada
“Busana Tradisional dan Jati Diri di Sukan Olimpik Paris 2024”
oleh Rabiah’tuladawyah Md. Salleh,
Dewan Budaya, 31 Julai 2024

[8 markah]

2. Sintaksis

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian kenal pasti dan tulis jenis ayat yang bergaris sama ada **ayat silaan, ayat permintaan, ayat larangan dan ayat suruhan**. Anda perlu menulis jawapan seperti contoh di bawah.

Ayat: Sila duduk di sini.

Jenis Ayat: Ayat silaan

Kapten Hakeem: Semua Pasukan Petugas 5G (PP5G), sila berikan laporan.

Pasukan Petugas 5G (PP5G): Lalu lintas terkawal, kapten!

Kapten Hakeem: Hari ini pantau semua bahagian dengan lebih kerap. Jangan sampai ada yang tertinggal. Semua petugas dilarang keluar.

Pasukan Petugas 5G (PP5G): Kapten, panggilan kecemasan diterima! Dua orang remaja yang mendaki Gunung Jerai tidak dapat dikesan.

Kapten Hakeem: Pasukan Petugas 5G (PP5G), zum lokasi. Minta bantuan anggota bomba untuk mengesahkan lokasi orang hilang melalui satelit.

Pasukan Petugas 5G (PP5G): Pihak bomba telah mengesan lokasi tersebut.

Kapten Hakeem: Tolong hantarkan pasukan untuk melawat lokasi tersebut.

Pasukan Petugas 5G (PP5G): Baik kapten.

Dipetik dan diubah suai daripada
“Adiwira 5G”
Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4,
Kementerian Pendidikan Malaysia
[4 markah]

3 Penyuntingan Teks

Bahan-bahan di bawah mengandungi pelbagai kesalahan bahasa. Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulannya. Anda tidak perlu menyalin semula bahan-bahan tersebut.

Bahan 1

Peribahasa merupakan ungkapan menarik yang bukan asing lagi dalam kalangan masyarakat Melayu sejak dahulu. Setiap peribahasa mempunyai taksiran yang tertentu dan memberikan pengajaran secara tersirat. Antara peribahasa yang mashur ialah melentur buluh biarlah daripada rebungunya. Berdasarkan maksudnya, peribahasa ini bertujuan untuk menyedari golongan ibu bapa tentang tanggung jawab mereka dalam mendidik anak-anak. Setelah anak-anak didedahkan dengan amalan yang baik sejak mereka masih kecil, amalan ini akan sehati ke dalam hidup mereka.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Melentur Buluh Biarlah daripada Rebungnya'
Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 5,
Kementerian Pendidikan Malaysia

[6 markah]

Bahan 2

Daripada	Luqman bin Raman <luqman.raman@gmail.com>
Tarikh	30 May 2024, Khamis, 12:05 tengah hari
Perkara	Pemeriksaan Motosikal
Kepada	Nasaruddin bin Nasir <pengetua@smktn@edu.my>
<p>Selamat sejahtera,</p> <p>Tuan,</p> <p>Berhubung perkara di atas, pihak kami akan mengadakan pemeriksaan ke atas semua murid-murid yang menunggang motosikal ke sekolah. Tindakan ini akibat daripada permintaan pihak sekolah untuk membuat pemeriksaan tersebut. Pemeriksaan itu akan diadakan mengikut ketetapan berikut:</p> <p>Tarikh: 1 Jun 2024 Hari: Rabu Masa: 7.00 pagi hingga 10.00 pagi Tempat: SMK Taman Nusajaya</p> <p>2. Pihak kami harap pihak tuan dapat memberikan kerjasama untuk memastikan pemeriksaan tersebut tidak menimbulkan lain-lain masalah.</p> <p>Segala kerjasama yang diberikan didahului oleh kami dengan ucapan ribuan terima kasih.</p> <p>Saya yang menjalankan amanah,</p> <p><i>Luqman</i></p> <p>..... (LUQMAN BIN RAMAN) Ketua Polis, Ibu Pejabat Polis Iskandar Puteri, Johor.</p>	

[5 markah]

4. Bahasa Melayu Standard

Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis petikan tersebut semula dalam **bahasa Melayu Standard** tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

Syahadan, maka kedengaran di Melaka bahawa Cau Pandan sudah mati, sakitnya muntahkan darah, dadanya seperti kena panah. Telah Sultan Muzaffar Syah mendengar khabar itu, maka titah baginda, “Sungguhlah Tuan Sidi Arab ini hamba Allah keramat.”

Maka beberapa puji baginda akan Tuan Sidi Arab itu dan dianugerahi baginda dengan sepeertinya. Setelah empat puluh dua tahun lamanya Sultan Muzaffar Syah di atas kerajaan, maka baginda pun mangkatlah.

Dipetik daripada ‘Burung Terbang Dipipiskan Lada’
Dalam Antologi *Sejadah Rindu*,
Kementerian Pendidikan Malaysia

[6 markah]

5. Peribahasa

Baca petikan di bawah dengan teliti kemudian nyatakan **tiga** peribahasa yang sesuai dengan petikan tersebut.

Dalam kehidupan di sesebuah kawasan perumahan, kita harus saling membantu dan bekerjasama antara satu sama lain. Amalan seumpama ini dapat mewujudkan kehidupan yang harmoni. Walau bagaimanapun, terdapat segelintir masyarakat yang tidak menghiraukan jiran tetangga dan lebih memilih untuk hidup bersendirian. Sepatutnya, kita perlu menjalinkan hubungan yang mesra dengan jiran supaya sesuatu masalah yang timbul dapat diselesaikan dengan bijak tanpa merugikan mana-mana pihak.

[6 markah]

Dipetik dan diubah suai daripada
‘Program Interaksi KPM Masyarakat
Oleh Wan Nur Zuhaira Ali
Majalah Pendidik 2018

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN
(35 Markah)

6. Petikan Umum

Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Hampir sebahagian besar golongan remaja dan anak muda yang terdiri daripada lepasan sekolah sehinggalah graduan universiti berharap akan memperoleh kerjaya yang bersesuaian selepas menamatkan pengajian. Mereka menginginkan pekerjaan yang dapat menjamin masa depan yang lebih baik. Antara faktor yang boleh mempengaruhi seseorang memilih untuk bekerja termasuklah sebagai sumber kewangan dan untuk memenuhi minat peribadi yang sudah lama wujud. Remaja haruslah meneliti faktor ini supaya dapat memahami sebab sebenar sesuatu pekerjaan itu ingin diperolehnya.

Sementara itu, bagi yang sudah memiliki pekerjaan, belum tentu sesuai atau dapat memenuhi kehendak peribadi individu tersebut. Remaja juga dapat mencari kepuasan kerja yang sebenar dan membina identiti diri. Oleh itu, persediaan rapi sangat mustahak supaya remaja tidak menghadapi masalah dan dapat *menentukan matlamat* dalam kerjayanya nanti.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Remaja dan Kerjaya'
Sharifah Nursyahidah Syed Annuar
Dewan Siswa, Bil.9 2017

Bahan 2

Usai peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), remaja akan berhadapan dengan persoalan untuk melanjutkan pelajaran atau mencari pekerjaan. Melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi mula dianggap sebagai perkara biasa oleh sebilangan pelajar.

Faktor-faktor yang mempengaruhi remaja untuk membuat pilihan dalam mencari pekerjaan adalah kurangnya minat dalam bidang akademik dan menganggapnya sebagai satu beban. Mereka mencari jalan mudah dengan bekerja dan fokus pada kemahiran praktikal berbanding akademik. Manakala remaja yang memilih untuk melanjutkan pelajaran pula sedar akan kepentingan memperoleh pengetahuan, kemahiran dan kelayakan yang lebih tinggi untuk meningkatkan prospek kerjaya dan potensi pendapatan yang lebih baik.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Remaja Cenderung untuk Melanjutkan Pelajaran atau Mencari Pekerjaan?'
oleh Nur Fatin Najwa Shahrudin,
Dewan Siswa, Bil. 08/2023

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud *menentukan matlamat* .

[2 markah]

- (ii) Merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan faktor-faktor yang mempengaruhi remaja memilih untuk bekerja.

[3 markah]

- (iii) Pemilihan kerjaya yang tepat sangat penting dalam kehidupan seseorang individu bagi memastikan masa depan yang cerah.

Pada pendapat anda, apakah kepentingan memilih kerjaya yang sesuai dengan minat dan potensi diri?

[3 markah]

- (iv) Setelah tamat pengajian di universiti, rakan anda ingin mencari pekerjaan yang sesuai dengan kelulusannya. Rakan anda telah menerima surat panggilan temu duga jawatan yang dipohonnya.

Sebagai rakan yang prihatin , apakah panduan yang boleh anda berikan kepadanya sebelum menghadiri temu duga tersebut?

[4 markah]

7. Petikan Sastera

Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

BAHAN 1

PANTUN SAYANGI JIRAN

Menjelma malam pudar sinaran,
Bayu perlahan bulan beraksi,
Perselisihan faham antara jiran,
Wujud permusuhan tiada komunikasi.

Bonda berkenan berkain pelikat,
Agenda diatur menyahut seruan,
Semangat kejiranan dalam masyarakat,
Saling bertegur semarak perpaduan.

Saling memberi berjiwa murni,
Semangat atma berpegangan tangan,
Hasad dengki masyarakat kini,
Luntur kerjasama dalam hubungan.

Roziha Ismail
Pasir Gudang

BAHAN 2

Gurindam Hidup Berjiran

Jika kamu masam kepada jiran
Di situlah mula bercelaru fikiran

Jika hubungan sentiasa dipererat,
Di situlah kehidupan menjadi berkat

Jika permusuhan tidak dipadam,
Di situlah nanti menyala dendam.

Jika tangan dihulur kepada lawan,
Di situlah musuh menjadi kawan.

Jika permusuhan dibiarkan berlanjutan,
Di situlah mudahnya bisikan syaitan

Jika sombong sanggup direndah,
Di situlah bermula hidup yang indah.

Azahar Bin Bahari,
Teluk Intan
Buku Teks Tingkatan 3
Kementerian Pelajaran Malaysia.

BAHAN 3

“Hidup berjiran mesti pandai bertimbang rasa dan tolong-menolong”, kata Puan Ainun kepada Shafiq dan Hanif. Kini, apabila anak-anaknya melakukan perbuatan membantu jiran seperti yang selalu dipesan kepada mereka, maka wajarkah dia menegahnya? Tidak! Puan Ainun tidak mahu menyemaikan sikap yang begitu ke dalam jiwa anak-anaknya. Oleh itu, dia tidak berkata apa-apa apabila melihat Shafiq atau Hanif membantu memancutkan air dari rumah mereka ke arah pokok-pokok bunga di halaman rumah Punita. Cuma hatinya sahaja yang terus membara setiap kali mengenangkan perbuatan Punita yang tergamak memulangkan masakan gulai daging sapi yang diberikannya secara ikhlas.

Lima hari kemudian, barulah Punita pulang. Puan Ainun melihat kereta Punita masuk ke halaman rumahnya. Namun, dia berlagak seolah-olah tidak melihat kepulangan Punita. Pada petangnya, Puan Ainun memasak bubur kacang. Dia menyuruh Shafiq menghantar semangkuk bubur kepada Puan Cheng. Dia tidak memberikan bubur kacang kepada Punita. Cukuplah sekali pemberiannya dipulangkan oleh Punita. Puan Ainun tidak mahu peristiwa itu berulang lagi.

Dipetik dan diubah suai daripada
cerpen 'Budi Semangkuk Daging',
oleh Amy Suziani Ainuddin,
dalam antologi *Harga Sebuah Lukisan*, Tingkatan 3,
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Berdasarkan **Bahan 2**, berikan maksud rangkai kata *jika sombong sanggup direndah*.
[2 markah]
- (ii) Dengan merujuk setiap bahan, apakah perbuatan negatif yang tidak sepatutnya dilakukan dalam kalangan masyarakat?
[4 markah]
- (iii) Semangat kejiranan mampu meningkatkan perpaduan dan keharmonian negara terutama dalam kalangan generasi muda.

Pada pendapat anda, apakah punca generasi muda kurang mengamalkan semangat kejiranan dalam kehidupan mereka?

[3 markah]

- (iv) Jiran anda seorang warga emas yang tinggal seorang diri di rumah. Anak-anaknya tinggal berjauhan di bandar. Anda mendapat tahu bahawa jiran anda jatuh sakit dan tidak dapat menguruskan dirinya seorang diri.

Sebagai jiran yang prihatin, apakah tindakan yang akan anda lakukan untuk membantunya?

[4 markah]

8. Novel

Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri

Mungkin kesan daripada kata-kata Haji Sulaiman, perubahan begitu ketara dalam kalangan penduduk kampung. Rumahnya yang rebah, telah didirikan semula oleh orang-orang kampung secara bergotong-royong. Kayu-kayu yang baharu, menurut Haji Sulaiman ialah sumbangan parti menggantikan kayu-kayu yang rapuh.

Orang perempuan memasak sementara orang lelaki mendirikan rumah. Tanpa disuruh, seperti sudah berpakat, semua sudah tahu tugas masing-masing. Ada yang menimbus tanah, mengetam, membuat parit kecil, dan membancuh simen. Haji Sulaiman cukup gembira. Tauke Lim begitu seronok. Dahlia begitu terharu dengan sikap masyarakat kampungnya. Terasa dirinya tidak tersisih.

Inilah kampungku! Inilah duniaku! Bagaimana akan kubalas jasa kalian?

Dipetik daripada novel *Songket Berbenang Emas*
karya Khairuddin Ayip,
Kementerian Pendidikan Malaysia

- i. Apakah perubahan-perubahan yang berlaku kepada penduduk kampung selepas mendengar kata-kata Haji Sulaiman?

[4 markah]

- ii. Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut :

- a) Leftenan Adnan Wira Bangsa, karya Abdul Latip Talib
- b) Di Sebalik Dinara, karya Dayang Nor
- c) Jendela Menghadap Jalan, karya Ruhaini Matdarin
- d) Pantai Kasih, karya Azmah Nordin
- e) Songket Berbenang Emas, karya Khairuddin Ayip
- f) Tirani, karya Beb Sabariah
- g) Silir Daksina, karya Nizar Parman
- h) Bimasakti Menari, karya Sri Rahayu Mohd Yusop

Berdasarkan **dua buah novel** yang anda pelajari, huraikan **satu** peristiwa yang menunjukkan kepentingan ilmu dalam kehidupan.

[6 markah]

BAHAGIAN C : RUMUSAN

[30 markah]

9. Rumusan

Baca petikan dan teliti bahan grafik serta pantun yang disertakan di bawah, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya **tidak melebihi 120 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

Bahan 1

Sukan lasak ialah sukan yang melibatkan aktiviti yang kasar dan kadangkala melibatkan aksi ganas. Antara aktiviti sukan lasak yang semakin menarik minat masyarakat Malaysia terutamanya golongan remaja ialah papan selaju, BMX, larian berhalangan, mendaki gunung, memanjat tembok tiruan dan larian denai. Sukan lasak semakin berkembang pesat di luar negara sehingga boleh menjana pendapatan tetapi masih agak ketinggalan di negara ini. Namun, sukan lasak di negara ini mampu mencapai tahap lebih tinggi. Oleh itu, pembabitan pelbagai pihak amat diharapkan bagi memajukan sukan lasak di Malaysia.

Guru di sekolah dan pihak universiti harus menggalakkan penglibatan pelajar dalam sukan lasak. Hal ini supaya mereka sekurang-kurangnya tahu akan kewujudan sukan ini yang mempunyai panduan dan jurulatih yang diiktiraf. Sokongan ibu bapa amat diperlukan supaya anak-anak boleh pergi jauh dalam sukan lasak ini. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan pula telah bekerjasama dengan kementerian lain membangunkan fasiliti sukan lasak melalui pembinaan taman luncur di kawasan perumahan. Kerjasama ini jelas menunjukkan bahawa permintaan masyarakat terhadap sukan lasak ini amat tinggi. Masyarakat mula aktif melibatkan diri dalam sukan lasak kerana sedar bahawa sukan lasak mampu menjadi terapi minda untuk menghilangkan tekanan akibat belajar atau bekerja.

Kini, sukan lasak mempunyai potensi untuk berkembang pesat di Malaysia sehingga boleh dijadikan sebagai kerjaya sepenuh masa yang lumayan pendapatannya melalui penyertaan dalam acara sukan lasak. Perkembangan ini menampakkan hala tuju anak muda yang berkebolehan mengembangkan bakat dan potensi mereka dalam sukan lasak. Sehubungan dengan itu, kerjasama kerajaan dengan penganjur acara sukan lasak amat diperlukan dari segi bantuan kewangan dan khidmat nasihat untuk mengurangkan kos penganjuran acara. Oleh itu, semua lapisan masyarakat di negara ini amat digalakkan menyertai sukan lasak.

Dipetik dan diubah suai daripada
Sukan Lasak Berpotensi Besar di Malaysia
BH Online, 15 Julai 2020

Bahan 2**SUKAN LASAK**

Di hujung dahan mencelah pedada ,
Dibuat masak bersama kuini,
Menjadi pilihan golongan muda.
Sukan lasak popular kini,

Berkurung pesak gadis berbaju;
Di waktu pagi mencari berangan,
Sukan lasak ingin dimaju,
Kos yang tinggi jadi halangan.

Ranum buahan sarat berisi
Berbuah lebat rasanya sedap,
Terhad kemudahan jejas prestasi,
Cabaran hebat perlu dihadap.

Cempaka Rimba
Kota Puteri

Bahan 3**KERTAS SOALAN TAMAT**